

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 OCTOBER 2016

Kerajaan komited jaga rizab UNESCO

BH-16/10/2016

➔ Perdana Menteri lancar Kompleks Makmal Air Tawar Tasik Chini

Oleh Abdul Razak Raaff,
Nik Sukry Ramli
dan Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Pelancaran Kompleks Makmal Air Tawar Tasik Chini dan Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) semalam, adalah bukti komitmen kerajaan dalam memulihara dan memelihara tasik berkenaan sebagai Rizab Biosfera Perhubungan Bangsa-Bangsa Bersatu Ba-

gi Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik (UNESCO).

Kompleks yang dibina Majlis Pembangunan Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) menjadi pusat menjalankan aktiviti penyelidikan dan pengawasan mutu air dan ia adalah projek fasa pertama bagi pembangunan fizikal di kawasan sekitar tasik berkenaan.

Ketua Eksekutif ECERDC, Datuk Seri Jebasingam Issace John, berkata kompleks itu mempunyai tiga makmal iaitu Makmal Hidrologi dan Klimatologi, Makmal Instrumen dan Mik-

robiologi serta Makmal Analisis Air.

“Projek ini dibangunkan di kawasan seluas empat hektar sumbangan kerajaan negeri dan ia bertanggungjawab melaksanakan inisiatif penyelidikan, pengurusan, pemuliharaan dan pemeliharaan serta pembangunan ekopelancongan tapak alam semula jadi di negara ini.

Selaras dengan SIP

“Ia juga selaras dengan Pelan Pelaksanaan Strategik (SIP) bagi Tasik Chini yang meliputi strategi dan inisiatif utama sehingga tahun 2025,” katanya pada majlis perasmian Kompleks Makmal Air Tawar Tasik Chini, oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri

Info

Tasik Chini

→ **Tasik kedua** terbesar di Semenanjung Malaysia

→ **Diwartakan** sebagai Rizab Biosfera UNESCO pada tahun 2008

→ **Kawasan** tadahan tasik meliputi hutan hujan tropika seluas 4,975 hektar

Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Jaafar dan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Noorul Azlan Ghazali.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan meluahkan masa lebih sejam melawat pusat penyelidikan, selain bersama masyarakat Orang Asli, pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Universiti Malaysia Pahang (UMP) menanam 350 pokok bagi menandakan komitmen mencapai tahap kepekatan karbon dioksida yang selamat di udara.

Najib turut melepaskan anak ikan ke dalam Tasik Chini sebagai simbolik meningkatkan mutu air dan menambah bilangan ikan yang terdiri daripada spesies asal tasik itu termasuk ikan lampam dan kelah.